



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 DISEMBER 2022 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

13 DISEMBER 2022 (SELASA)

Nibong Tebal: Seorang lelaki dipercayai menjalankan kegiatan menyeleweng minyak diesel subsidi ditahan bersama lori dan bahan api membabitkan nilai keseluruhan RM75,817.20 di sebuah stesen minyak di Jalan Hooi Soo di sini, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKKSH) Pulau Pinang S Jegan berkata, hasil pematuan dan pemeriksaan dijalankan, pihaknya berjaya menjejaki sebuah lori tiga tan yang mencurigakan sebelum menyerbu stesen minyak itu, jam 1.30 pagi.

"Ketika serbuan itu, seorang lelaki berusia 40-an yang juga pemandu lori sedang mengisi minyak diesel di situ dan pemeriksaan mendapati terdapat satu

Lelaki ditahan seleweng minyak diesel subsidi



Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat kira-kira 2,000 liter minyak diesel di dalam tangki besi berkenaan"

Jegan

unit tangki besi tambahan berkapasiti 4,000 liter yang diubah suai, ditempatkan di belakang kenderaan dengan ditutupi kain kanvas.

"Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat kira-kira 2,000 liter minyak diesel di dalam tangki besi berkenaan dan dipercayai suspek membeli bahan api itu di bebe-



KPDNKKSH Pulau Pinang menyita sebuah lori dipercayai digunakan untuk menjalankan kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi di sebuah stesen minyak di Jalan Hooi Soo, Nibong Tebal.
- Gambar IHSAN KPDNKKSH PULAU PINANG

rapa lokasi sekitar Nibong Tebal dan Jawi dengan harga subsidi," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, berdasarkan siasatan awal, suspek menjalankan aktiviti berkenaan secara sendiri dan akan menjual diesel itu kepada pihak industri dengan harga lebih mahal, seraya mampu mengaut keuntungan ribuan ringgit setiap bulan.

"Dalam serbuan itu, kami merampas 2,000 liter diesel, lori, tangki besi, motor pam dan hos pam yang kesemuanya bernilai RM75,817.20," katanya menambah suspek yang juga pemilik lori ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pemandu lori dicekup seleweng diesel

NIBONG TEBAL - Cubaan seorang lelaki menyeleweng diesel dengan menggunakan lori yang diubah suai gagal selepas dia ditahan di sebuah stesen minyak di Jalan Hooi Soo dekat sini pada Ahad.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang, RS Jegan berkata, pihaknya mengesan sebuah lori kanvas berwarna putih muatan tiga tan dalam keadaan mencurigakan sedang mengisi diesel kira-kira jam 1.30 pagi.

Menurutnya, lapan pegawai penguat kuasa menghampiri dan melakukan pemeriksaan terhadap

lori terbabit sebelum menemukan satu unit tangki besi tambahan berkapasiti 4,000 liter yang telah diubahsuai dan ditempatkan di belakang kenderaan terbabit.

"Seorang lelaki warga tempatan yang berusia sekitar 40-an iaitu pemandu lori dan juga pemilik kenderaan tersebut telah ditahan dan hasil pemeriksaan mendapati anggaran terdapat sejumlah 2,000 liter minyak diesel di dalam tangki besi tersebut.

"Anggaran jumlah keseluruhan nilai rampasan sebanyak RM75,817.20 termasuk barang sitaan iaitu lori kanvas tiga tan,

minyak disyaki diesel (2,000 liter), tangki besi, dua unit motor pump, hose pump set, wang tunai dan telefon mudah alih," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan yang menimbulkan syak yang munasabah untuk melakukan kesalahan.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat boleh didenda.



Lori yang disita membawa satu unit tangki besi tambahan berkapasiti 4,000 liter yang telah diubahsuai dan ditempatkan di belakang kenderaan tersebut.

Nabbed over trading of subsidised diesel

NIBONG TEBAL: A lorry driver was arrested for allegedly illegally trading in 2,000 litres of subsidised diesel at a petrol station in Jalan Hooi Soo on Sunday.

Domestic Trade and Cost of Living Ministry Penang director S. Jegan said a lorry with a modified steel tank, diesel, a motorised pump and hose, all worth more than RM75,000, were seized in the 1.30am operation.

He said enforcement officers had been keeping the three-tonne lorry under watch before intercepting it at the petrol station.

"During the raid, the elderly driver, who also owns the lorry, was filling up the tank with diesel. Checks showed that an extra metallic tank with a 4,000-litre capacity was installed at the back of the vehicle and covered with canvas sheets.

"We found about 2,000 litres in that tank. The driver is believed to have bought the fuel at subsidised prices from several locations in Nibong Tebal and Jawi," he said in a statement yesterday.

Preliminary investigations showed that the man was operating alone, and was making thousands of ringgit monthly by reselling subsidised diesel to industries, he added.

- Bernama

Peniaga bantah sistem kupon

GEORGE TOWN - Cadangan kerajaan memperkenalkan sistem kupon bagi pembelian minyak masak paket bersubsidi 1 kilogram (kg) mendapat bantahan pemborong serta peniaga di negeri ini.

Rata-rata yang ditemui berkata, sistem itu amat 'renyah', sekali gus berdepan kesusukaran semasa urusan jual beli dilakukan.

Meskipun belum pasti kaedah sistem kupon yang akan diperkenalkan, tetapi mereka menolak cadangan itu, bimbang sumber pendapatan terjejas ekoran kerenah pihak berkaitan.

Seorang pemborong di daerah Timur Laut yang mahu dikenali sebagai Sherly, 52, berkata, tidak perlu memperkenalkan sistem kupon untuk pembelian minyak masak bersubsidi, sebaliknya pihak berkenaan perlu menambah baik serta meningkatkan pemantauan di peringkat pengeluaran dan pembekalan.

"Memang tidak setuju. Minyak masak paket dihadkan hanya setiap dua paket bagi seorang pelanggan. Jika perlu kupon, memang agak renyah."

"Jika ini berlaku, kami tidak akan jual lagi minyak masak paket dan hanya fokus barangan runcit lain tanpa perlu kupon."

"Kami perlukan pembelian



PEMBELIAN minyak masak paket secara tunai dikatakan lebih mudah berbanding sistem kupon. - GAMBAR HIASAN

secara tunai untuk meneruskan kos perbelanjaan dalam urusan perniagaan," katanya.

Seorang lagi peniaga pasar awam di daerah Barat Daya yang hanya mahu dikenali sebagai Arshad, 45, memberitahu, pengenalan sistem kupon sememangnya menyusahkan peniaga.

"Bukan semua peniaga dapat bekalan minyak paket yang sama. Memang buang masa untuk jual minyak masa guna sistem kupon."

Nak tuntutan semula wang satu hal, bukan boleh dapat segera.

"Kami perlukan urusan jual beli secara tunai bagi menjana pendapatan harian," ujarnya.

Pada 6 Disember lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bercadang memperkenalkan sistem kupon kepada golongan B40 dan peniaga industri kecil dan sederhana untuk membeli minyak masak paket bersubsidi.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM8.69
• Daging Lembu Tempatan	RM40
• Daging Lembu Import	RM55.90
• Telur Gred A	RM13.50
• Ikan Kembung	RM14.80
• Minyak Masak	RM6.76
• Gula Pasir	RM2.80
• Bawang Besar Holland	RM2.90
• Bawang Putih	RM5
• Cili Merah	RM7.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM2.59
• Tepung Gandum	RM3.35

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 DISEMBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Dec	Lelaki ditahan seleweng 2,000 liter minyak diesel subsidi	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/52946-lelaki-ditahan-seleweng-2-000-liter-minyak-diesel-subsidi	BERITARTM
13-Dec	Lelaki ditahan cuba seleweng minyak diesel	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/12/1038419/lelaki-ditahan-cuba-seleweng-minyak-diesel	BH
13-Dec	Lelaki tempatan ditahan seleweng diesel	https://malaysiagazette.com/2022/12/12/lelaki-tempatan-ditahan-seleweng-diesel/	MALAYSIAGAZETTE
13-Dec	Gagal seludup diesel	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/914148/gagal-seludup-diesel	HM
13-Dec	Pemandu lori dicekup seleweng diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/235703/berita/semasa/pemandu-lori-dicekup-seleweng-diesel	SH
13-Dec	Lelaki ditahan seleweng 2,000 liter minyak diesel subsidi	https://m.malaysiakini.com/news/647785	MALAYSIAKINI
13-Dec	Lelaki ditahan seleweng 2,000 liter minyak diesel subsidi	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2146984	BERNAMA
13-Dec	ADUAN PENGGUNA KPDN Lihat Keperluan Wujudkan E-Aduan Lebih Kompeten	https://youtu.be/xspqm70ZphQ	BULETINTV3
13-Dec	KPDN sees the need to create a more competent e-complaint – Salahuddin	https://asianewstoday.com/kpdn-sees-the-need-to-create-a-more-competent-e-complaint-salahuddin/	ASIANEWSTODAY
13-Dec	KPDN seru pemain industri bantu kurangkan kos sara hidup	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/235798	SH

13-Dec	Kerajaan, industri bekerjasama tangani isu kekurangan bekalan, kenaikan harga	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1038669/kerajaan-industri-bekerjasama-tangani-isu-kekurangan-bekalan	BH
13-Dec	Ensuring prices of goods are controlled during festivities a priority for KPDN	https://www.thesundaily.my/home/ensuring-prices-of-goods-are-controlled-during-festivities-a-priority-for-kpdn-JH10351338	THESUNDAILY
13-Dec	Rakyat sambut perayaan dalam keadaan harga terkawal antara keutamaan KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-sambut-perayaan-dalam-keadaan-harga-terkawal-antara-keutamaan-kpdn-396473%3famp=1	ASTROAWANI
13-Dec	Rakyat sambut perayaan dalam keadaan harga terkawal antara keutamaan KPDN	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2147196	BERNAMA
13-Dec	Rakyat sambut perayaan dalam keadaan terkawal antara keutamaan KPDN	https://www.utusanborneo.com.my/2022/12/12/rakyat-sambut-perayaan-dalam-keadaan-terkawal-antara-keutamaan-kpdn	UMBORNEO
13-Dec	Ensuring prices of goods are controlled during festivities a priority for KPDN	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2147221	BERNAMA
13-Dec	Fuziah: Controlling goods prices during festivities priority for ministry	https://m.malaysiakini.com/news/647849	MALAYSIAKINI
13-Dec	Domestic Trade Ministry to prioritise ensuring prices of goods controlled during festive seasons, says Fuziah	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/12/domestic-trade-ministry-to-prioritise-ensuring-prices-of-goods-controlled-during-festive-seasons-says-fuziah	THESTAR
13-Dec	Tomato, bayam naik harga	https://www.facebook.com/214066990599/posts/pfbid02SVmYXNB8dpoyebuoT2rGm2i4cjM9hf27TprXioyrfkH1DKMXTs1WEk7Gye1YPKbNI/?mibextid=Nif5oz	BH